

Praktis**1****BAB 1****Kerajaan Alam Melayu**

▶▶▶▶▶▶

Hal. Buku Teks: 1 – 23

Bahagian AJawab **semua** soalan.

1. Alam Melayu merangkumi gugusan kepulauan dan tanah besar di bahagian tenggara benua Asia.

Konsep Alam Melayu dapat dilihat dengan jelas melalui perkara di bawah **kecuali**

- A rupa C budaya
B bahasa D geografi

2. Kepulauan Melayu meliputi Tanah Melayu hingga Tenasserim dan Kepulauan Nicobar, Filipina dan Kepulauan Solomon hingga Papua New Guinea

Berdasarkan pendapat di atas, siapakah tokoh yang memberikan pendapat berkaitan aspek geografi Alam Melayu?

- A Abdul Hadi Hassan
B Alfred Russel Wallace
C Profesor Ding Choo Ming
D Profesor Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi Abdul Rahman

3. Apakah faktor yang menyebabkan bahasa Melayu telah digunakan secara meluas sejak awal Masihi?

- A Kaum Melayu yang ramai
B Orang Melayu yang mesra
C Digunakan seluruh Alam Melayu
D Sifat bahasa Melayu yang sederhana

4. Apakah bukti yang menunjukkan budaya Alam Melayu telah berkembang maju dalam bidang kesenian?

- A Kemunculan tokoh kesenian
B Binaan bangunan bersejarah
C Kemajuan dalam kebudayaan dan lukisan
D Pembuatan gangsa dan seni mempertahankan diri

5. Peta di bawah menunjukkan Kerajaan Alam Melayu Funan.



Di manakah terletak pusat kerajaan Funan?

- A Indrapura C Vyadhapura
B Pangkalan D Kota Trowulan

6. Mengapakah kerajaan Funan mengalami kemerosotan semasa pemerintahan Raja Funan terakhir, iaitu Rudravarman?

- A Jalan perdagangan disekat
B Serangan kerajaan Chenla
C Serangan kerajaan Dai Viet
D Ekonomi semakin merosot


7. Maklumat berikut berkaitan dengan kerajaan Champa.

Kerajaan Champa diasaskan oleh Chu-Lien pada tahun 192 M. Zaman kemasyhuran kerajaan Champa ialah semasa pemerintahan Che Bong Nga kerana beliau berjaya mengatasi ancaman Dai Viet.

Siapakah yang mengiktiraf pemerintahan Che Bong Nga?

- A Dinasti Han C Dinasti Choo
B Dinasti Ming D Dinasti Ching

8. Kerajaan Srivijaya berjaya menguasai jalan laut antarabangsa iaitu, Selat Melaka dan Selat Sunda. Selain sebagai pusat perdagangan, apakah kemasyhuran Srivijaya?
- Pusat kesenian
 - Penerokaan ilmu pelayaran
 - Pusat bahasa dan persuratan
 - Pusat pengajian agama Buddha
9. Siapakah pemerintah Angkor yang berjaya meluaskan empayar hingga sempadan Annam?
- Jayavarman II
 - Jayavarman III
 - Suryavarman II
 - Jayavarman VII
10. Apakah jawatan Patih Gajah Mada dalam pemerintahan kerajaan Majapahit semasa pemerintahan Tribuana Tungadewi?
- Syahbandar
 - Ketua Tentera
 - Penasihat Raja
 - Perdana Menteri
11. Peta berikut menunjukkan peluasan kuasa kerajaan Majapahit.



Peluasan kuasa tersebut menjadikan Majapahit sebagai pusat perdagangan pada abad ke-14.

Apakah yang menyebabkan kerajaan Majapahit lemah dan jatuh pada tahun 1478?

- Pergaduhan dalaman
- Serangan kerajaan Demak

- Tiada pemerintah yang bijak
- Serangan kuasa di Kepulauan Maluku

12. Kerajaan Kedah Tua berpusat di Sungai Mas dan Pangkalan Bujang.

Apakah nama Kedah Tua menurut sumber daripada China?

- Kataha
- Kalah-Bar
- Chin Ch'a
- Chieh Ch'a

13. Maklumat berikut berkaitan Kerajaan Gangga Nagara.

Kerajaan Gangga Nagara muncul pada abad keenam dan berfungsi sebagai pusat pelabuhan serta sering dikunjungi pedagang kerana kekayaan hasil bumi.

Apakah hasil bumi yang dimaksudkan?

- Perak dan emas
- Gangsa dan bijih besi
- Bijih timah dan emas
- Bijih timah dan perak

14. Pada abad pertama, apakah kerajaan-kerajaan luar yang muncul sezaman dengan kerajaan Alam Melayu?

- Empayar Rom
 - Empayar Parsi
 - Dinasti Tang
 - Abbasiyah
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

15. Pada abad ke-14, apakah kerajaan yang sezaman dengan kerajaan Champa, Angkor dan Majapahit?

- Empayar Parsi
- Kerajaan Chola
- Empayar Mongol
- Empayar Byzantine


16. Gambar berikut merupakan Pagoda Xumi yang wujud semasa zaman Dinasti Tang.



Apakah kerajaan Alam Melayu yang sezaman dengan kemunculan Dinasti Tang?

- A Funan
- B Champa
- C Kedah Tua
- D Gangga Nagara

17. Peta berikut merupakan peta jalan perdagangan Alam Melayu dengan kerajaan luar.



Apakah analisis yang boleh dibuat apabila kerajaan Alam Melayu menjalankan hubungan perdagangan?

- A Jalan perdagangan yang luas
- B Sikap keterbukaan pemerintah
- C Peluasan kuasa semakin berleluasa
- D Hasil pengumpulan barang yang menguntungkan

18. Gambar berikut merupakan penemuan artifak pengaruh Buddha di Lembah Bujang, Kedah.



Apakah yang dilakukan oleh Asoka untuk menyebarkan agama Buddha?

- A Membina lebih banyak kuil
- B Menghantar sami-sami Buddha
- C Menghantar golongan Brahmin
- D Berdakwah dengan cara yang lembut

19. Maklumat berikut berkaitan hubungan diplomatik antara kerajaan Alam Melayu dengan China.

Hubungan diplomatik penting dalam kerajaan Alam Melayu untuk mengukuhkan kedudukan dan membuka jalan perdagangan. Kerajaan Alam Melayu juga menjalankan hubungan dengan China.

Apakah tujuan Champa menghantar utusan ke China pada abad ketiga?

- A Memulihkan hubungan
- B Mendapatkan pengiktirafan
- C Memohon bantuan ketenteraan
- D Memperkukuh hubungan persahabatan

20. Antara berikut yang manakah merupakan kerajaan Alam Melayu yang mengadakan hubungan dengan kerajaan India?

- I Kedah Tua
- II Funan
- III Angkor
- IV Champa
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV